

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1993/94

Oktober/November 1993

PLG 411 - Kaedah Mengajar Kimia II

Masa : [2 jam]

---

Jawab SEMUA soalan.

Anda dinasihatkan tidak menggunakan lebih daripada SATU JAM untuk soalan 1.

Jawapan untuk tiap-tiap soalan 1 (a) hingga 1 (e) tidak harus melebihi satu muka surat tiap-tiap satu.

1. a) Nyatakan EMPAT tumpuan mata pelajaran Kimia.  
b) Beri EMPAT alasan mengapa pengetahuan kimia perlu diajar dalam kurikulum sekolah menengah.  
c) Nyatakan TIGA jenis konsep kimia dengan contoh-contoh yang sesuai daripada sukatan pelajaran Kimia (KBSM).  
d) Jelaskan DUA cara bagaimana seorang guru mata pelajaran kimia boleh menggunakan pemetaan konsep untuk meningkatkan mutu pembelajaran dalam bilik darjah.  
e) Pilih SEPULUH konsep yang ada kaitan dengan konsep mol dan sediakan satu peta konsep dengan konsep mol sebagai konsep utama.

[50 markah]

2. a) Apakah maksud sikap bersaintifik? Beri contoh-contohnya.  
b) Bagaimana anda akan mengembangkan sikap bersaintifik ini melalui pengajaran mata pelajaran kimia?

[25 markah]

3. a) Bincangkan garis panduan bagi penganalisan konsep.  
b) Dengan menggunakan garis panduan tersebut, analisislah suatu konsep kimia daripada sukatan pelajaran kimia (KBSM).

[25 markah]